



MOD.100-2/1/2 Jld 6 (82) 01/12

**MENTERI PERTAHANAN MALAYSIA MELAWAT KAWASAN OPERASI MURNI  
BANJIR DI SEKITAR NEGERI KELANTAN DAN TERENGGANU**

1. **KELANTAN, 3 Disember 2024** – Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin bersama delegasinya yang terdiri daripada **Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Lokman Hakim bin Ali** dan **Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Dato' Wira Muhammad Hafizuddeain bin Jantan** telah mengadakan lawatan ke kawasan banjir di **Negeri Kelantan dan Terengganu** yang merupakan kawasan tanggungjawab Markas Divisyen Kedua Infantri Malaysia, hari ini.
2. Lawatan ini adalah bertujuan untuk melihat dengan lebih dekat pelaksanaan Op MURNI 8 Brigid di kawasan Pantai Timur yang terjejas teruk akibat banjir besar yang melanda tahun ini.
3. Semasa lawatan, Menteri Pertahanan dan delegasi telah menerima **taklimat Operasi MURNI (Op MURNI)** yang disampaikan oleh **Panglima 8 Brigid, Brigedier Jeneral Dato' Muzamil bin Hj Ali** yang juga merupakan *Appointed Military Commander (AMC)* Op MURNI Kawasan Tanggungjawab (KTJ) 8 Brigid bagi memantau keadaan banjir dan membantu pihak berkuasa awam serta penduduk setempat yang terkesan akibat bencana banjir dalam kawasan Kelantan dan Terengganu.
4. Turut berlangsung adalah **Majlis Penyampaian Sumbangan Mangsa Banjir** oleh **Menteri Pertahanan kepada tujuh orang mangsa banjir yang bertugas di Markas Brigid Kelapan Infantri Malaysia**. Mereka terdiri daripada seorang pegawai, lima orang anggota Lain – Lain Pangkat Tentera Darat dan seorang anggota awam yang menetap di Jajahan Tumpat, Kota Bharu, Pasir Mas, Pasir Puteh dan Bachok.

5. Kemudiannya, Menteri Pertahanan telah menerima **taklimat pelaksanaan Op MURNI bagi kawasan Pasir Mas** yang disampaikan oleh **Pegawai Memerintah Batalion Ke-21 RAMD, Leftenan Kolonel Muhammad Firdaus bin Sa'ad** sebelum menerima taklimat daripada **Ketua PPS SK. Gual Tinggi** atau **Timbalan Ketua Jajahan Pasir Mas, Encik Zairi bin Abdullah**.
6. PPS SK Gual Tinggi adalah merupakan salah satu pusat pemindahan yang **diuruskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Kelantan dan dipantau oleh Batalion Ke-21 Rejimen Askar Melayu Diraja (21 RAMD)** yang menyediakan bantuan tempat tinggal sementara, makan minum dan keperluan asas kepada mangsa banjir.
7. Statistik sehingga jam 12.00 tengah hari ini, **PPS SK Gual Tinggi telah mencatatkan seramai 1,893 orang mangsa banjir dan 601 buah keluarga** yang sedang menerima bantuan. Manakala, statistik **keseluruhan di kawasan Pasir Mas sehingga jam 12.00 tengah hari** ini mencatatkan sebanyak **53 buah PPS telah beroperasi** melibatkan seramai **25,805 orang mangsa banjir dan 8,555 buah keluarga**.
8. **ATUR GERAK OP MURNI TENTERA DARAT DI KAWASAN KELANTAN DAN TERENGGANU:**
  - a. Bermula dari 27 November 2024 sehingga kini, **Tentera Darat Malaysia (TDM)** melalui **Markas Divisyen Kedua Infantri Malaysia** telah mengatur gerakan **seramai 71 pegawai dan 1,057 orang anggota Lain-lain Pangkat (LLP)** melaksanakan **Operasi MURNI (Op MURNI)** bagi membantu pihak berkuasa tempatan dalam bantuan menyelamatkan dan memindahkan mangsa banjir di Kelantan dan Terengganu selain membantu di Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB).
  - b. Pada masa kini, pasukan-pasukan sedang giat memberikan bantuan memindahkan mangsa banjir di Kelantan melibatkan **21 RAMD di sekitar Pasir Mas, Tumpat dan Kota Bharu** dengan bantuan **Rejimen 506 Askar Wataniah (506 AW), Batalion Ke-16 Rejimen Askar Melayu Diraja (16 RAMD)** di Bachok, Pasir

**Puteh dan Machang, Batalion Pertama Rejimen Sempadan (1 RS) di Kuala Krai dan Tanah Merah, Batalion Ke-2 Rejimen Sempadan (2 RS) di Jeli dan Gua Musang.**

- c. Manakala, di Terengganu pula melibatkan **Batalion Ke-18 Rejimen Askar Melayu Diraja (18 RAMD (PARA)) di Hulu Terengganu, Marang dan Dungun, Rejimen Ke-5 Artileri Diraja (5 RAD) di Kuala Terengganu, Kuala Nerus, Besut dan Setiu, Rejimen 506 Askar Wataniah (506 AW) membantu 21 RAMD dan Rejimen 512 Askar Wataniah (512 AW) membantu 5 RAD.**
- d. Tentera Darat Malaysia telah mengatur gerakkan aset-aset termasuk **90 buah trak yang terdiri daripada Trak 3 Tan, Trak 7 Tan, Trak 1 Tan** serta **lebih 40 buah Bot Tempur** bagi kegunaan anggota tentera memberikan bantuan kepada mangsa banjir.

- 9. Hadir sama semasa lawatan berlangsung adalah Panglima Divisyen Kedua Infantri Malaysia, Mejar Jeneral Dato' Hj Fazal bin Hj Abdul Rahman serta pegawai-pegawai dari agensi kerajaan yang terlibat secara langsung dalam memberi bantuan termasuk pegawai kanan Tentera Darat Malaysia.

**-TAMAT-**

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

---

**Kementerian Pertahanan Malaysia  
3 Disember 2024**